



# Amanat PRU 14

**Oleh:**

**S.S YABhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.)**

**Haji Harussani Bin Haji Zakaria**

**(Mufti Negeri Perak)**

**AMANAT SAHIBUS SAMAAH YABHG. TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA, MUFTI NEGERI PERAK SEMPENA PILIHANRAYA UMUM MALAYSIA KALI KE-14.**

الحمد لله رب العلمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وأصحابه  
اجمعين.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته،

Tanggal 9 Mei 2018 bakal menyaksikan hampir 15 juta rakyat negara ini yang layak melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab dengan mengundi sempena Pilihan Raya Umum kali ke-14. Mengundi adalah satu tuntutan bagi memenuhi hak demokrasi negara. Pilihan raya umum pula merupakan satu mekanisme yang dijalankan untuk memilih wakil bagi semua kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri yang diadakan secara berkala mengikut selang tempoh yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Kewajipan mengundi adalah satu tuntutan dalam agama Islam yang pastinya akan disoal oleh Allah SWT di akhirat kelak. Majoriti ulama meletakkan hukum mengundi sebagai kesaksian iaitu memberikan saksi bahawa calon yang diundi tersebut adalah baik dan layak untuk memegang tanggungjawab sebagai pemerintah. Pendapat ini digunakan oleh al-Imam al-Syahid Hassan al-Banna, Kesatuan Ulama Sedunia yang dipengerusikan oleh Dr. Yusuf al-Qardhawi, Syeikhul Azhar Syeikh Ahmad Tayyib, Mufti Mesir Syeikh Ali Jumaah dan sebagainya.

Mengundi bukan sekadar aktiviti untuk memenuhi tuntutan demokrasi yang dilakukan sekali dalam lima tahun, tetapi ia merupakan satu kesaksian yang penuh dengan beban kebertanggungjawaban di dunia dan di akhirat. Ia sangat penting kerana dasar-dasar negara yang menjadi amalan masyarakat banyak ditentukan oleh wakil-wakil yang dihantar ke Parlimen. Begitu juga kedudukan Islam, sejauh mana Islam diperkasakan di negara ini juga banyak ditentukan oleh mereka. Mengundi adalah memberi kesaksian terhadap calon pilihan kita. Kesaksian hendaklah dilakukan kerana Allah dan bertujuan menegakkan hukum-hukum Allah.


Harus juga diingatkan bahawa, umat Islam tidak boleh mengasingkan diri dari sistem ini samada secara suka ataupun tidak. Tindakan untuk tidak mengundi dan berniat untuk merosakkan undi merupakan tindakan yang salah dan tidak membawa sebarang keuntungan kepada Islam dan umat Islam bahkan perbuatan itu adalah satu perbuatan yang mensia-siakan hak yang diberi. Kesaksian kita tidak boleh disembunyikan dengan tidak mengundi mahupun mengundi rosak. Justeru warganegara yang layak adalah **wajib** mengundi atas dasar memberikan kesaksian.

Persoalan kepada hukum mengundi telah selesai. Maka timbul persoalan seterusnya iaitu sebagai pengundi muslim, apakah kayu ukur atau neraca yang dipertimbang dalam memilih calon pemimpin yang baik? Semestinya kita umat Islam mempunyai neraca tersendiri di dalam soal kita memilih pemimpin kita. Neraca yang dimaksudkan ialah kepentingan Islam itu mesti diletakkan sebagai neraca paling utama. Islam sangat menitikberatkan melahirkan pemimpin yang berkualiti mengikut piawai Islam. Islam menyeru perlantikan pemimpin yang berwibawa kerana mereka memegang amanah rakyat untuk mentadbir Negara, bahkan dalam fiqh siasah, persoalan imamah atau kepimpinan amat menekankan ciri-ciri peribadi seorang pemimpin atau khalifah yang dilantik. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 58 yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menguatkuasakan hukum di antara manusia (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil"*

Pemimpin berwibawa yang dimaksudkan adalah pemimpin yang membantu memenangkan agama Allah SWT serta menegakkan keadilan hukum Allah SWT. Iaitu dengan menjalankan tugas-tugas mendaulatkan Islam, mempertahankan maruah umat, meninggikan syiar Islam, menjaga agama, berusaha melaksanakan kesyukuran syariat Allah SWT serta melaksanakan dakwah dan jihad. Pemimpin berwibawa ialah pemimpin yang mengangkat Islam sebagai agenda utama, berintegriti, cekap, mahir mengurus, bebas dari pengaruh asing, dan berusaha bersungguh-sungguh memastikan tanah air ini menjadikan Islam sebagai rujukan utama. Yang pasti, pemimpin berwibawa adalah pemimpin yang takutkan Allah, menganggap kemenangan di dalam pilihan raya sebagai satu amanah berat, dan akan berusaha sebaik mungkin bagi mengotakan janji-janji terutamanya yang termaktub dalam manifesto.

Pilihan Raya Umum inilah medium bagi rakyat memilih sendiri pemimpin yang mereka kehendaki. Libatkanlah diri anda dengan proses besar dan penting ini. Jika kita tidak memilih calon yang baik, maka calon yang tidak baiklah yang akan memimpin kita untuk 5 tahun yang mendatang. Buatlah pilihan yang terbaik!



**TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA**  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan.